



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

UNIMAS News

Program Tanggungjawab Sosial Korporat “Open Up Your Eyes” KMC 4263 Praktikum Kaunseling (Penyelia: Dr Jamayah Saili) Kuching Autistic Association (KAA), Kuching, Sarawak: 30 Oktober, 2018

Kuching Autistic Association (KAA), Kuching, Sarawak: 30 Oktober, 2018

Seramai 17 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 3 dan tahun 4 Program Kaunseling yang mengambil kursus KMC 4263 di bawah penyeliaan Dr Jamayah Saili telah mengadakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bertemakan “*Open Up Your Eyes*” di Kuching Autistic Association yang terletak di Jalan Desa Wira, Batu Kawa, Kuching.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Dino Liew selaku Penyelaras Program. Para pelajar telah dibawa melawat sekitar institusi termasuk blok pentadbiran, kelas untuk kanak-kanak dan remaja serta gimnasium. Pelajar juga berpeluang melawat bilik *detention*, *play therapy* serta bilik *sensory*. Para pelajar berpeluang berinteraksi dengan kanak-kanak yang menghidap Autisme dan menjalankan aktiviti ringkas bersama mereka. Setelah selesai aktiviti bersama dengan klien kanak-kanak berupa melukis dan membuat lok-lok, para pelajar telah membantu menyusun serta membersihkan gimnasium. Pelajar telah mengelap, membasuh, serta menyuci lantai dengan cecair nyahkuman dan menyusun atur peralatan dalam gimnasium untuk kegunaan klien di KAA setiap hari.

Lawatan ini telah mencapai objektif yang dihasratkan iaitu pendedahan kepada peranan serta fungsi Kuching Autistic Association, berkongsi informasi terkini mengenai Autisme serta menjalinkan hubungan yang baik antara UNIMAS dan pihak KAA. Para pelajar turut menghargai semangat kesukarelawanan apabila berpeluang mengenali kelompok masyarakat yang kurang bernasib baik dan diduga dengan ujian seperti mempunyai anak-anak yang menghidap Autisme.

